

8 HARI MENGENAL DI KOREA SELATAN

Oleh: Nur Rafiqah binti Mohamad Razi, 117094.

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Pengalaman selama lapan hari di bumi Korea Selatan bersama sahabat tidak akan pernah dapat dilupakan kerana negara itu adalah salah satu destinasi pelancongan yang diimpikan sejak di sekolah menengah lagi.

Perancangan untuk ke Korea Selatan yang disangka hanya gurauan semata-mata ternyata menjadi kenyataan setahun selepas itu iaitu pada 8 hingga 17 Julai 2019. Saya memilih untuk ke sana pada musim panas kerana ketika itu cuti semester.

Sungguh tidak dapat digambarkan betapa gembiranya perasaan masing-masing kerana pertama kali dapat menjejak kaki di Lapangan Terbang Incheon, Korea Selatan.

Apa yang menjadi pengalaman atau cabaran buat kami adalah tempat penginapan kami tidak begitu dekat dengan stesen kereta api.

Cuba bayangkan setiap hari berjalan selama 15 minit dari rumah ke stesen kereta api. Kami tidak menaiki teksi yang disediakan kerana ingin menjimatkan kos pengangkutan.

Pada hari kedua, tempat pertama yang kami lawat adalah Itaewon. Mudah untuk kami mencari kedai makanan halal kerana kebanyakan orang Islam Korea Selatan atau golongan imigran yang beragama Islam tinggal di sana.

Di bandar itu ada sebuah masjid yang terkenal dalam kalangan pelancong terutamanya dari negara Islam iaitu Masjid Pusat Seoul atau dikenali sebagai Masjid Itaewon.

Pembangunan dan perkembangan Masjid Pusat Seoul juga merupakan sokongan dan kesepakatan dari negara-negara Islam seluruh dunia. Selain itu, masjid tersebut telah menjadi pusat syiar Islam di Korea Selatan.

Myeongdong menjadi tempat kesukaan saya kerana di sana sangat banyak barang-barang tersohor Korea Selatan seperti barangan penjagaan kulit, kasut dan pakaian.

Bagi seorang perempuan, Myeongdong seolah-olah salah satu syurga dunia. Rambang mata sangat bila masuk setiap kedai. Rasa hendak beli semua barang masa itu.

Apa yang membuat saya teruja, di sana juga terdapat sebuah restoran bernama Kampungku yang menjual makanan Malaysia seperti nasi goreng, tom yam dan pelbagai masakan Melayu.

Selain itu, kami berpengalaman mencuba pakaian tradisi Korea Selatan iaitu *hanbok* di Istana Gyeongbokgung.

Bagi yang pertama kali melancong ke negara ini, mencuba pakaian tradisi ini adalah sangat disyorkan.

Saya tidak melepaskan peluang merakamkan gambar di tempat yang indah untuk dijadikan kenangan ketika berada di Korea Selatan bersama sahabat-sahabat saya.

Pengalaman selama lapan hari di bumi Korea Selatan memang tidak dapat saya ukirkan dengan perkataan tentang betapa indah dan seronoknya kami di sana.

Perkara yang membuatkan saya tidak lupa tentang Korea Selatan adalah penduduknya yang sangat berdisiplin dan ramah ketika meraikan tetamu.

Selain itu, saya amat kagum dengan pengangkutan awam di sana yang sangat sistematik dan senang didapati.

Maka, tidak hairanlah apabila rakyat Korea Selatan lebih suka menggunakan pengangkutan awam kerana mereka akan sampai ke tempat yang dituju lebih awal berbanding menaiki kenderaan sendiri.



